

21 SEP 1997

Mahathir - Perkongsian

DR MAHATHIR MAHU SEMUA PIHAK HAYATI PERKONGSIAN PINTAR

TAWAU, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa semua pihak khususnya anggota komponen Barisan Nasional agar menghayati konsep perkongsian pintar dalam usaha menangani masalah yang dihadapi oleh negara.

Katanya konsep perkongsian pintar itu lebih penting khususnya di negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum seperti Malaysia kerana tidak ada satu pihakpun yang harus membolot kekayaan negara untuk kaum tertentu sahaja.

"Setiap kita harus bersedia berkorban sedikit supaya pihak lain turut mendapat bahagian dan semua orang akan mendapat manfaatnya. Kesanggupan berkorban ini sebenarnya sebahagian ciri dalam perkongsian pintar," katanya ketika merasmikan Kongres Keempat Parti Maju Sabah (SAPP) di sini.

Dr Mahathir berkata jika perkongsian pintar antara pelbagai kaum di negara ini dihayati dengan mendalam, maka ia akan mengurangkan pergeseran dan mengekalkan kestabilan politik.

Dengan adanya kestabilan, "kek" ekonomi negara akan bertambah besar dan ini menyebabkan bahagian yang diperolehi oleh sesuatu kaum itu juga lebih besar jika dibandingkan dengan apa yang akan diperolehi jika keseluruhan kekayaan dibolot oleh satu-satu pihak sahaja, katanya.

"Dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini, tiada yang terjamin 100 peratus gembira kerana tidak semua kehendak mereka dapat dipenuhi," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN meminta anggota-anggota SAPP, sebuah komponen BN Sabah, agar membincangkan secara khusus konsep perkongsian pintar berkenaan untuk faedah anggota-anggotanya.

"Selagi setiap parti bersedia mengamalkan konsep perkongsian pintar itu, negara akan menjadi aman dan pertumbuhan ekonomi menjadi lebih baik," katanya.

Menurutnya percubaan sesetengah pihak untuk melemahkan ekonomi negara sehingga membawa kepada kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham negara, juga harus dihadapi oleh kalangan pelbagai pihak berasaskan konsep perkongsian pintar berkenaan.

Beliau memberi contoh perkongsian pintar yang diamalkan oleh pelbagai kaum dalam usaha menuntut kemerdekaan daripada pemerintahan British.

"Ketika itu, kita jauh lebih lemah berbanding sekarang. Kita tidak ada senjata, tidak ada cerdik-pandai. Apa yang ada ialah kesanggupan untuk bersatu-padu untuk menuntut kemerdekaan," katanya.

Hanya dengan merapatkan barisan dan bersatu-padu barulah mereka (pejuang kemerdekaan) dapat menentang kuasa besar seperti British.

"Ini kerana penjajah telah melihat bahawa semua kaum mahukan kemerdekaan dan penjajah tidak ada lagi alasan untuk tidak memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu," katanya.

Yang turut hadir Presiden Kehormat SAPP, Datuk Seri Tan Kit Sher; Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee yang juga Presiden SAPP serta wakil-wakil parti komponen BN negeri. -- BERNAMA

JS MAI